

ALLAH LANJUTKAN USIA D. Y. M. M.

Masharakat Di-Seluruh Negara

AMAT-LAH BERGEMBIRA MENYAMBUT HARI KEPUTERAAN MAULANA AL-SULTAN

PERAYAAN2 bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan tahun ini ada-lah suatu perayaan yang paling meriah pernah di-adakan di-Negeri Brunei.

Ranchangan2 perayaan bagi tiap2 daerah dan kawasan ada-lah bertambah, dan begitu pun jangka masa mengadakan-nya lebeh lama dari tahun2 yang sudah.

Kunjongan ma'anusia dari sa-genap lapisan dan gulungan masharakat ka-tempat2 perayaan ada-lah berlebeh2an, baik pada malam2 perayaan dan mau pun pada siang-nya.

Peserta2 dalam berbagai2 pertandingan dan perlawanan juga sa-makin bertambah tahun ini.

Beberapa hari sa-belum perayaan2 rasmi pada 23 September mulai berlangsung, tiap2 bandar dan pekan telah di-hiasi dengan perhiasan2 chantek yang berwarna-warni, dan pada yang sa-belah malam-nya pu'a kelihatanlah tempat2 itu sa-olah2 kota besar yang indah dengan hiasan lampu2 yang berwarna-warni.

Dengan tersergam-nya berbagai2 aneka-bentuk pintu2 gerbang dan dengan tulisan2 kasemua-nya di-ukir dan di-hiasi chantek2, sa-makin-lah kelihatan indah pusat2 perayaan di-Brunei.

Di-Bandar Brunei, kemunchak acara2 perayaan bahagian sa-belah malam ia-lah sumbangan2 dan peraduan2 dari pentas Malam Aneka Warna. Tiap2 malam sa-lama enam malam beribu2 ma'anusia dengan berpakaian serba chantek dan baru telah datang berkunjung.

Sa-lain dari itu beberapa buah pentas lagi di-Padang Besar Bandar Brunei, antara-nya pentas2 wayang China, Kesenian dan Kebudayaan, dan pentas Persembahan Tari2an Antara Bangsa di-negeri ini, telah juga mendapat sambutan hangat dari para penonton sekalian.

Di-sekeliling padang tersebut telah di-dirikan gerai2 untuk pasar2 gembira. Gerai2 tersebut tidak juga ketinggalan menerima para pekonjong terus menerus pada tiap2 malam sa-lama perayaan berjalan.

Sa-lain dari itu berbagai2 aneka sokan—darat dan laut—telah juga di-adakan di-kesemua daerah.

Antara acara2 yang telah di-adakan termasuk-lah peraduan Bintang Keputeraan, dan Peraduan Lagu2 Asli Melayu Brunei (dalam bahagian Malam Aneka Warna), dan dalam bahagian sokan, perlumbaan basikal

dan perlawanan lomba perahu antara pengiran2, ketua2 pejabat dan menteri2, dan perlawanan terek tali juga bagi ketiga2 pasokan tersebut.

Duli Yang Maha Mulia sendiri telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu dalam mana pasokan Baginda telah berjaya mengalahkan pasokan2 lawan-nya dalam kedua2 perlawanan.

Beraleh sahaja sang suria ka-peraduan-nya pada petang 22 September, maka semua lampu2 perhiasan dan chuchul pun di-nyalakan; dan pada ka-esokan hari-nya di-adakan-lah istiadat Barisan Kehormatan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Dari awal2 pagi Hari Keputeraan rasmi itu, padang tersebut telah di-banjiri oleh ma'anusia dan dalam beberapa ketika sahaja kelihatanlah padang tersebut dan jalan2 raya berkeliling-nya dan di-mana2 ruangan yang berhampiran penuh sesak dengan beribu2 ma'anusia yang berbilang bangsa dan jenis.

Sa-ketika sa-belum keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia di-pa-

dang itu pada jam 8.10 pagi sabanyak 21 das tembakan meriam telah di-lakukan.

Barisan2 Kehormatan tersebut ada-lah terdiri dari pasokan2 Pulis, Gurkha dan Askar Melayu Brunei, sementara bunyi-bunyian di-hidangkan oleh Pancharagam2 Pulis dan Gurkha.

Sa-sudah itu di-adakan pula Istiadat Mengadap di-Balai Singgahsana, di-Istana Darul-Hana mulai jam 10 pagi itu. Pada sa-belah petang di-adakan pula Istiadat Mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran, juga di-balai yang sama.

Pada sa-belah malam-nya mulailah di-adakan acara2 malam aneka warna, pasar gembira, dan tarian joget moden, di-Padang Besar Bandar Brunei.

Achara2 itu berlangsung sa-lama enam malam (kechuali pasar gembira yang berakhir hingga pada malam 30 September), dan pada malam penutup-nya di-hidangkan dengan upacara menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan dan pertandingan.

Upacara itu telah di-adakan di-pentas Malam Aneka Warna. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajjah Nahariah isteri Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud.

Uchapan2 terima kasih dan keshukoran telah juga di-sampaikan dalam upacara itu oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi Perayaan, Awang Ali bin Awang Besar, dan Pengerusi Jawatan Kuasa Malam Aneka Warna, Awang Zul-Kiflie bin Haji Abdullah.

Sa-belum itu berbagai2 acara, termasuk persembahan nyanyian2 dari "Bintang2 Keputeraan 1964" dan lawak jenaka, telah di-persembahkan untuk menyerikan upacara penyampaian hadiah2 yang termalam.

Sambutan di-Daerah Belait telah di-adakan di-pekan2 Seria dan Kuala Belait dengan pembukaan rasmi-nya telah di-adakan di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria, pada 20 September, 1964.

Pada hari itu juga telah di-adakan perarakan basikal berhias dan senaman beramai2 oleh murid2 sekolah.

Pada sa-belah malam-nya di-adakan pula acara2 malam aneka warna, pasar gembira, permainan kereta api dan lain2 lagi.

Achara2 di-Seria berakhir sa-lama tiga hari, dan acara sa-terus-nya di-sambong di-Pekan Kuala Belait, dengan perlumbaan jalan kaki dari Jalan Seria ka-Kuala Belait pada 23 September.

Mulai pada malam itu acara2 perayaan sa-belah malam telah di-adakan di-tanah lapang, Jalan Bunga

(Lihat Muka 8)



D. Y. M. M. Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini pada malam Baginda mereksa Barisan Kehormatan menyambut Hari Jadi Baginda di-Bandar Brunei pada 23 September, 1964.

D.Y.M.M. MELETAKKAN BATU ASAS SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah bertitah bahawa ada-lah menjadi chita? Kerajaan supaya agama Islam, yang menjadi agama rasmi di-Negeri Brunei ini, akan betul2 berkembang di-dalam jiwa umat Islam dan ra'ayat sekalian — bahkan dengan bertambah tinggi persekolahan agama di-negeri ini, bererti-lah membawa kita kepada menyempurnakan tujuan yang termaktub di-dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah melafadzkan titah ucapan tersebut sa-belum Baginda meletakkan Batu Asas, Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada tengah hari Khamis 24 September, 1964.

PERBELANJAAN LEBEH DARI \$2,000,000

Sekolah Menengah Arab tersebut, letak-nya di-Batu 1½ Jalan Brunei-Tutong, akan di-bena oleh Kerajaan Brunei dengan perbelanjaan lebih dari \$2,000,000 dan akan siap di-bena kira2 pada penghujung tahun hadapan.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia di-junjong untuk melafadzkan titah ucapan Baginda di-majlis tersebut, ucapan2 telah di-berikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin dan oleh Pemangku Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee.

Sa-lepas Baginda bertitah dan meletakkan Batu Asas bangunan tersebut, Mufti Brunei, Sahibul Fadhillah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah membacakan Do'a Selamat.

Dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia di-majlis tersebut, Baginda telah bersabda bahawa pembangunan Sekolah Menengah Arab itu telah lama di-ranchangkan dan sa-telah melalui serta mengatasi kesulitan2 yang tidak dapat di-elakkan dalam persediaan untuk pembangunan-nya, maka pada sa'at itu ranchangan tersebut telah dapat di-adakan dengan sempurna-nya.

Oleh sebab mendapat sambutan yang bersungguh2 dari ra'ayat dan umat Islam terhadap pelajaran agama dan pula beribu2 orang murid2 kelulusan sekolah rendah itu mempunyai chita2 yang tinggi dan untuk meninggikan taraf Pelajaran Agama di-kalangan ra'ayat, titah Baginda, maka Kerajaan menyedari sudah-lah tiba masa-nya diadakan Sekolah2 Menengah Agama dengan mempunyai dasar pelajaran yang sesuai dengan kemajuan zaman, ia-itu bukan sahaja di-ajarkan Ilmu2 Shara' dan Bahasa Arab sahaja, bahkan juga pengetahuan2 kenegaraan dan keduniaan untuk melawakkan murid2 kelulusan Sekolah Menengah ini melanjutkan pela-

jaran ka-mana2 Sekolah Tinggi di-luar negeri dan juga untuk melayakkan mereka menjadi ra'ayat yang mempunyai pengetahuan yang sempurna bagi mencari kehidupan yang lebih baik di-samping menjadi sa-orang Mo'min yang beriman dan ta'at kepada Allah.

Baginda telah mengucapkan tahniah kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin kerana usaha beliau yang bersungguh2 hingga berjaya-lah ranchangan pembinaan Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah itu.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengucapkan tahniah kepada Pemangku Pesuruh Jaya Kemajuan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee dan Jabatan Kerja Raya serta kepada sekalian yang memberi kerjasama dalam menjayakan pembangunan Sekolah Menengah Arab tersebut.

Selanjut-nya Duli Yang Maha



Satu pemandangan pada masa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin meletakkan Batu Asas Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah pada tengah hari Khamis 24 September 1964.

Mulia bertitah bahawa Baginda berharap mudah2an Kerajaan akan terus melaksanakan usahanya dalam segala perkembangan negara yang telah di-ranchangkan di-dalam tempoh yang di-jadualkan.

Di-samping itu, Baginda berharap agar-nya hendak-lah sekalian ra'ayat menyokong dan menghargai usaha2 Kerajaan dengan jalan memelihara keama-

nan dan perpaduan, lebih2 lagi di-dalam keadaan suasana dunia masa ini yang penuh dengan kegeloraan, maka tiap2 ra'ayat wajib-lah bertanggung-jawab memelihara ketenteraman kerana dengan ada-nya keamanan dan ketenteraman, baharu-lah dapat kita menikmati bersama hasil2 ranchangan pembinaan negara di-Negeri Brunei yang aman — ma'amor dan di-kasehi ini.

D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN MASJID MUHAMMAD JEMALUL ALAM KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait pada tengah hari Juma'at 25 September, 1964.

Upacara tersebut di-mulai dengan ucapan aluan2 oleh Kadhi Daerah Belait, Yang Dimuliakan Begawan Mudim Haji Adanan bin Pehin Dato Imam Haji Mokti.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin ibni Al-marhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamad Yassin.

Sa-lepas itu Duli Yang Maha Mulia pun di-junjong untuk merasmikan pembukaan Masjid yang indah itu dan melafadzkan titah ucapan Baginda serta berkhutbah dalam Masjid tersebut.

Kadhi Besar Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Dato Seri Paduka Haji Muhammad Salleh telah di-junjong menjadi

Imam Sembahyang Juma'at pada hari pembukaan rasmi Masjid Muhammad Jemalul Alam itu.

Bacaan ayat2 suci Al-Koran telah di-perdengarkan oleh

Awang Mukim bin Awang Hassan dan beliau juga telah melaungkan suara azan di-upacara tersebut.

Sa-baik sahaja selesai Sembahyang Juma'at, para hadirin yang telah bersembahyang di-masjid tersebut telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar itu pada masa Baginda tiba untuk merasmikan pembukaan Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait pada hari Juma'at 25 September, 1964. Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kelihatan berjalan di-seluruh Baginda dalam gambar ini.

Y.T.M. DULI PENGIRAN PEMANCHA MERASMIKAN PERAYAAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah merasmikan pembukaan perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei pada pukul 6 petang hari Rabu 23 September, 1964.

Perayaan Di-Tutong

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan telah merasmikan pembukaan sambutan perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Tutong pada pagi hari Juma'at 25 September, 1964.

Sa-belum Pegawai Daerah Tutong merasmikan pembukaan perayaan tersebut semua para hadirin telah berdiri tegak sambil Lagu Kebangsaan Negeri Brunei di-bunyikan oleh Pancha-ragam Pulis Brunei dan Bendera Negeri Brunei di-kibarkan dengan indah-nya di-majlis itu.

Upacara tersebut telah diadakan di-Jalan Elizabeth II berhadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan, dan di-saksikan oleh ramai para jemputan dan lain2-nya.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah di-sambut oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi, Perayaan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Awang Mohamed Ali bin Awang Besar pada masa beliau tiba di-tempat tersebut.

Kemudian ucapan2 telah diberikan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi perayaan tersebut Awang Ali bin Awang Besar


dan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Sa-bagai satu tanda memulakan perayaan tersebut Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah membuka swish lampu2 yang menghiasi bangunan Pejabat2 Kerajaan, Pintu2 Gerbang, Pasar Malam dan Gembira dan lain2-nya.

Yang Teramat Mulia Duli

Pengiran Pemancha kemudian-nya telah di-junjong pula untuk melepaskan belon2 melayang ka-udara.

Sa-baik sahaja selesai acara tersebut maka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan para hadirin di-temasha tersebut telah melawat ka-gerai2 di-temasha Pasar Gembira tersebut.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha kelihatan dalam gambar ini membuka swish menerangi lampu2 elektrik sa-bagai mengishtiharkan pembukaan rasmi Perayaan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei pada 23 September, 1964. Berdiri di-penjuru kiri dalam gambar ini ialah Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi, Perayaan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Awang Mohamed Ali bin Awang Besar.



Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan kelihatan merasmikan pembukaan perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Tutong pada pagi hari Juma'at 25 September, 1964.

PEMBUKAAN RASMI PERAYAAN DI-DAERAH BELAIT

SERIA. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria.

Upacara tersebut telah diadakan di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 20 September, 1964.

Sa-bagai tanda mengishtiharkan pembukaan rasmi sambutan tersebut, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin telah menggunakan benang dan melepaskan belon2 yang berwarna warni ka-udara.

Sa-lepas itu murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria telah mengadakan pertunjukan Senaman Ramai di-padang tersebut.

Kemudian telah diadakan Perarakan Basikal Berhias oleh murid2 dari Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China mengelilingi Pekan Seria.

Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan beberapa orang Pegawai2 Kerajaan telah turut berjalan kaki dalam perarakan tersebut.

Perarakan tersebut telah dimulai dari Padang Maktab Anthony Abell mengelilingi Pekan Seria dan balek ka-padang tersebut dengan di-dahului oleh Pancha-ragam Askar Melayu Brunei.



Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kelihatan mengishtiharkan pembukaan rasmi perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 20 September, 1964. Berdiri di-kiri sekali ialah Naib Pengerusi, Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait, Bahagian Seria, Awang Abdul Aziz bin Malim.

GAMBAR2 KENANGAN SAMBUTAN HARI



SAMBUTAN Perayaan2 Hari Jadi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-seluruh Negeri Brunei pada tahun ini, boleh-lah di-katakan lebih meriah lagi dari sambutan2 pada tahun2 yang lalu. Di-muka2 4 dan 5 PELITA BRUNEI keluaran ini ia-lah di-antara gambar2 yang telah di-ambil semasa di-adakan sambutan2 yang terma'lom.



GAMBAR ATAS : Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha kelihatan berucap di-Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana pada 23 September. GAMBAR BAWAH: Pasukan Lembaga Bandaran Kuala Belait yang telah menjadi John dalam Peraduan Perarakan Kereta Berhias di-Kuala Belait pada 25 September.



Istiadat Perbarisan di-Bangar, Temburong.



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Pengiran Pemancha semasa menyaksikan Perarakan Kereta Berhias di-Kuala Belait.



JADI D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN



GAMBAR2 ATAS: Kiri dan kanan — Istiadat Perbarisan Hari Jadi D.Y.M.M. di-Bandar Brunei.



Istiadat Perbarisan di-Kuala Belait.



GAMBAR2 BAWAH—Dari Kiri — Sa-pasokan yang mengambil bahagian dalam Peraduan Perarakan Berjalan kaki yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 24 September — Krayenbrink (Miri) dan M.A. Rahman (Seria) kelihatan bergembira sa-lepas mereka berjaya memenangi Perlumbaan Kereta Go-Kart di-Bandar Brunei pada pagi 27 September; Wanita2 yang chantek dalam gambar ini kelihatan semasa mereka mengambil bahagian dalam Pertandingan Ratu Kebaya di-Dewan Maktab Anthony Abell, Setia baharu2 ini. Pemenang-nya ia-lah Dayang Rohaya Ahmad (Nombor 11). Pemenang yang kedua ia-lah Dayang Habsah (Nombor 7) dan pemenang yang ketiga ia-lah Dayang Sainah (kelihatan di-antara Nombor 11 dan 7); Satu lagi pemandangan Perarakan di-Bandar Brunei pada malam 24 September.

GAMBAR ATAS : D.Y.M.M. kelihatan bertutuh di-Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana pada 23 September. GAMBAR BAWAH: Pasokan Pejabat Pos Seria yang telah mendapat hadiah yang ketiga dalam Peraduan Perarakan Kereta Berhias di-Kuala Belait pada 25 September.



Y. B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf Merasmikan Pembukaan Pameran Lukisan Dan Gambar

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan, Gambar2, Ukiran2 dan Jambangan Bunga di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada 22 September.

D.Y.M.M. Menyaksikan Perarakan Kereta Berhias

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menyaksikan Perarakan Kereta2 dan Basikal2 Berhias yang telah di-adakan di-Kuala Belait pada hari Juma'at 25 September sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda.

Sa-belum achara tersebut di-mulai, murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah menunjokan Senaman Ramai.

Keputusan paraduan perarakan tersebut ada-lah saperti berikut.

Kereta Berhias: Johan — Jabatan Lembaga Bandaran Belait. Naib Johan — Kaum Tiong Hua Pemenang Ke-tiga — Pejabat Pos Seria dan Pemenang Ka-empat — Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

Basikal Berhias : 1. Pengiran Sidek bin Pengiran Md. Salleh. 2. Basri bin Othman dan 3. Chia Si Nyan.

Motosaikal Berhias : Hanya sa-orang sahaja telah mengambil bahagian ia-itu Awang Johari Ismail.

Doktor Chang Wan Yu, Nadzir Sekolah2 China, Brunei dan Da-yang Chong Fung Lan, ia-itu isteri Awang Richard Chang telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 paraduan perarakan tersebut.

Pameran tersebut telah di-adakan selama tiga hari mulai dari hari tersebut sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelukis2 dan juru2 gambar tempatan.

Beratus2 keping lukisan dan gambar serta banyak ukiran2 dan jambangan bunga telah dipamerkan di-pameran tersebut. Ramai orang dari berbagai2 bangsa telah melawat ka-Dewan Kemasharakatan untuk menyaksikan pameran itu.


Barang2 yang di-pamerkan telah di-hakimkan pada pagi hari tersebut dan pembukaan rasmi pameran itu telah di-adakan pada petang hari itu.

Yang Mulia Datin Hajjah Salmah binti Mohamed Yusuf ia-itu isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 paraduan tersebut.

Kemudian Jawatan Kuasa Pameran itu telah menghadihkan satu chenderamata kepada Yang Mulia Datin Hajjah Salmah.

Terlebih dahulu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf dan di-turuti dengan ucapan oleh Pengerusi pameran itu Awang Hashim bin Haji Tahir.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Hj. Mohamad Yusuf kelihatan merasmikan pembukaan Pameran Lukisan, Gambar, Ukiran2 dan Jambangan Bunga di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada petang 22 September, 1964. Berdiri di-sabalah beliau ia-lah Pengerusi Pameran tersebut, Awang Hashim bin Haji Tahir.



Keputusan Perarakan Tanglong

BANDAR BRUNEI. — Di-bawah ini ia-lah keputusan Paraduan Tanglong Orang2 Dewasa, Pejabat2, Persatuan2 dan Maktab2 yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 24 September sebagai menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

BAHAGIAN ORANG2 DEWASA, PEJABAT2, PERSATUAN2 DAN MAKTAB2: Pertama—Maktab Perguruan Melayu Brunei "A". Kedua—Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah U gama, Brunei dan Ketiga—Maktab Perguruan Melayu Brunei "B". Hadiah2 Sagu Hati: Pejabat Bomba, Kesatuan Pemuda/Pemudi Sungai Kedayan (P) dan Maktab Perguruan Melayu Brunei (Bahagian Perempuan).


BAHAGIAN ORANG2 DEWASA DAN KAMPONG2: Pertama—Kampung Sungai Kedayan "A". Kedua—Kampung Pengiran Pemanha La-

ma dan Ketiga—Kampung Sungai Pandan. Hadiah2 Sagu Hati: Kampung Bukit Salat, Kampung Ujong Bukit dan Kampung Burong Pingai.

BAHAGIAN SEKOLAH2 TINGGI LELAKI DAN PEREMPUAN DAN MAKTAB2 S.O.A.S. DAN S.T.P.R.I.: Pertama—Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam; Kedua—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Ketiga—Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (Perempuan), Sekolah Saint Andrews (Perempuan) dan Sekolah Menengah Chung Hwa.

BAHAGIAN SEKOLAH2 RENDAH LELAKI DAN PEREMPUAN: Pertama—Sekolah Melayu Aman Pahlawan, Burong Pingai (Lelaki dan Perempuan). Kedua—Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (Bahagian Rendah) dan Ketiga—Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah. Hadiah2 Sagu Hati: Sekolah Melayu Pintu Malim, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam Bahagian Rendah (Perempuan) dan S. M. Delima Satu, Berakas.

PERAYAAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-BANDAR BRUNEI



Gambar2 ini telah di-ambil di-Bandar Brunei pada masa di-adakan sambutan perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei pada petang 23 September, 1964. Dajam gambar2 ini kelihatan beratus2 orang, termasuk kanak2 "damit" sedang menunggu hendak menyaksikan satu temasha yang di-langsungkan pada petang hari tersebut. Dapat-kah pembacha2 meneka apa-kah yang mereka hendak melihat ?

PERLAWANAN TAREK TALI:

Pasokan Pengiran2 Di-Ketuai Oleh D.Y.M.M. Jadi Johan

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pengiran2 dengan di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berjaya menjadi Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu.

Perlawanan Tarek Tali itu telah di-adakan sa-bagai satu acara yang khas bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, serta Putera2 dan Puteri2 Duli Yang Maha Mulia Kerabat2 Di-Raja; para Pemesar Negara dan beribu2 orang dari berbagai2 bangsa, telah menyaksikan perlawanan tersebut.

Sa-banyak tiga pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut, ia-itu Pasokan2 Pengiran2, Pehin2 dan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan.

Dalam pusingan pertama Pasokan Pengiran2 telah mengalahkan Pasokan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan.

Sa-lepas itu Pasokan Pengiran2 pula telah mengalahkan Pasokan Pehin2.

Kemudian Pasokan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan telah bertemu dengan Pasokan Pehin2 untuk menentukan pasokan yang menjadi naib johan.

Dalam perlawanan tersebut Pasokan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan telah mengalahkan Pasokan Pehin2.

Maka dengan yang demikian, keputusan-nya ia-lah seperti berikut :

Johan — Pasokan Pengiran2.
Naib Johan — Pasokan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan. Pemenang Ke-tiga — Pasokan Pehin2.

Boleh-lah di-katakan bahawa

tiap2 peserta yang mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut telah "menarek tali dengan sa-kuat2-nya dan berazam dengan bersungguh2-nya untuk memberi kemenangan kepada pasokan masing2".

Beribu2 orang dari berbagai2 bangsa yang telah menyaksikan perlawanan tersebut telah bersorak dengan riuh — rendah sambil bergembira apabila Pasokan Pengiran2 yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menjadi johan dalam perlawanan tersebut.

Isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kepada semua peserta2 yang mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Temasha tersebut di-akhiri dengan tiga kali sorak DAULAT TUANKU, DAULAT TUANKU oleh para penonton sekalian.

Kemudian orang ramai yang telah menyaksikan perlawanan itu telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sa-belum Baginda dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Putera2 dan Puteri2 Duli Yang Maha Mulia kembali ka-Istana Darul Hana.



Gambar ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perlawanan Akhir Bola Sepak sa-chara pukul mati bagi menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. antara Askar Melayu Brunei dan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Pasokan "A" di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 24 September. Berdiri nombor lima dari kiri (memakai baju puteh) ia-lah Pengadil perlawanan tersebut, Inspektor Abu Zar.

BOLA SEPAK:

Johan—A.M.B.

Naib Johan—P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Askar Melayu Brunei telah mengalahkan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Pasokan "A" dalam pertandingan Akhir Bola Sepak sa-chara pukul mati dengan 4 gol berbalas 3 gol di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Khamis 24 September, 1964.

Pertandingan bola sepak itu telah di-adakan sa-bagai salah satu dari acara2 sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Brunei.

Pada sa-paroh masa yang pertama Pasokan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah memperolehi 2 gol dan Pasokan Askar Melayu Brunei telah mendapat 1 gol.

Sa-lepas pertandingan tersebut di-sambung sa-mula Pasokan P.G.G.M.B. telah dapat 1 gol lagi dan Pasokan A.M.B. telah memperolehi 2 gol lagi.

Dengan itu, kedua2 pasokan telah seri ia-itu 3 gol berbalas 3 gol.

Kemudian pertandingan itu diteruskan lagi selama 10 minit.

Dalam masa pertengahan yang

pertama, selama 5 minit, ke-dua2 pasokan telah tidak mahu mengaku kalah. Sa-lepas pertandingan itu di-sambung sa-mula pemain2 Pasokan Askar Melayu Brunei telah dapat menembusi masuk ka-dalam "kubu pertahanan" Pasokan P.G.G.M.B. dan berjaya memperolehi gol yang membawa kemenangan kepada pasokan A.M.B. itu.

Meskipun pemain2 Pasokan P.G.G.M.B. telah menchuba dengan bersungguh2-nya untuk menjaringkan gol2 yang mereka menunggui, akan tetapi ikhtiar mereka telah tidak berhasil.

Akhir-nya, Inspektor Abu Zar dari Pasokan Polis Brunei yang mengadakan pertandingan tersebut telah membunyikan tiupannya tepat pada masa penghabisan lanjutan pertandingan tersebut dan serentak pada masa itu penyokong2 Pasokan Askar Melayu Brunei telah masuk ka-padang dan menguchapkan tahniah kepada Pasokan A.M.B. yang telah berjaya memenangi pertandingan bola sepak itu.

Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah2 sa-lepas tamat pertandingan tersebut.

J. KRAYENBRINK (MIRI) DAN M. A. RAHMAN (SERIA) MENANG LUMBA GO-KART

BANDAR BRUNEI. — J. Krayenbrink (Miri) dan M.A. Rahman (Seria) telah memenangi Perlumbaan Go-Kart yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada pagi hari Ahad yang lalu sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Maka dengan kemenangan tersebut pemandu2 itu telah memenangi Piala Perak rebutan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Krayenbrink telah mendapat Piala Perak yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell untuk pelumba yang pantas sekali dalam perlumbaan tersebut.

Sa-banyak 9 buah kereta2 Go-Kart dari Brunei dan Sarawak telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut melalui jalan2 raya mengelilingi Padang Besar Bandar Brunei. Tiap2 pemandu kereta Go-Kart itu di-kehendaki memandu kereta-nya selama satu jam dan pemandu yang dapat "pusingan" yang banyak sekali di-kirakan menang.

Sa-kira-nya sa-orang pemandu kereta mendapat kechedraan

atau sa-bagai-nya, maka sa-orang teman-nya di-benarkan menggantikan pemandu itu.

Keputusan penoh perlumbaan kereta Go-Kart itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Johan — Kereta nombor 51 di-pandu oleh Krayenbrink (Miri) dan M.A. Rahman (Seria) — 93 kali pusingan.

Naib Johan — Kereta nombor 21 di-pandu oleh R. Brunet

(Seria) dan G. van der Stap (Seria) — 90 kali pusingan.

Pemenang Ke-tiga — Kereta nombor 999 di-pandu oleh F. Cornelius (Miri) dan H. Fine (Miri) — 89 kali pusingan.

Pemenang Ke-empat — Kereta nombor 55 di-pandu oleh E. Vennell (Miri) dan Kapitan P. Caroline (Miri) — 86 kali pusingan.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera telah menyampaikan hadiah2 kepada pelumba2 yang berjaya dalam perlumbaan tersebut.

Md. Noor Md. Dapat Gelaran "P. Ramlee Brunei"

BANDAR BRUNEI. — Md. Noor bin Muhammad telah mendapat gelaran "P. Ramlee Brunei" sa-telah ia berjaya memenangi pertandingan Menyanyi Gaya P. Ramlee di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam 26 September, 1964.

Pertandingan tersebut di-langsung

songkan sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

H.M. Huzaini telah mendapat gelaran Naib Johan dan A.B. Norshah mendapat gelaran Pemenang Ketiga.

Orkest Melayu Sinar Suria, di-bawah pimpinan Sanip Sahar telah bermain di-temasha tersebut.

Hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut telah di-sampaikan oleh Chegu Pengiran Umi binti Pengiran Idrus.

Pasokan D.Y.M.M. Menang Perlumbaan Perahu

TUTONG.—Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengetuai sa-pasokan pedayong2 perahu dalam satu perlumbaan khas di-antara Pasokan Baginda dengan Pasokan Pegawai2 Kerajaan di-Daerah Tutong pada pagi 29 September, 1964.

Pasokan Baginda telah berjaya memenangi perlumbaan itu.

Perlumbaan tersebut telah di-adakan sa-bagai menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan bertempat di-Sungai Tutong berhadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan Daerah Tutong.

Tidak berapa lama sa-lepas di-adakan perlumbaan tersebut, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pun mengambil bahagian dalam satu lagi perlawanan.

Pada kali tersebut Duli Yang Maha Mulia telah mengetuai Pasokan Daerah Brunei dalam perlawanan Tarek Tali dengan Pasokan Pegawai2 Kerajaan di-Daerah Tutong. Dalam perlawanan tarek tali itu, Pasokan Duli Yang Maha Mulia telah memperolehi gelaran Naib Johan, manakala Johan-nya ia-lah Pasokan Pegawai2 Kerajaan di-Daerah Tutong.

Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

Raya, dan ini berakhir hingga malam sa-minggu.

Barisan Kehormatan telah di-langsungkan di-Padang K.B.R.C. pada 25 September. Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-padang itu untuk menerima tabek kehormatan.

Di-Temburong, Barisan Kehormatan telah di-adakan pada 27 September, bertempat di-Pekan Bangar.

Sementara itu Barisan Kehormatan di-Pekan Tutong telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada 29 September.

Duli Yang Maha Mulia telah juga berangkat ka-tempat2 tersebut untuk menghadiri upacara2 di-sana dan menerima tabek kehormatan.

Pada keseluruhan-nya dapatlah di-katakan bahawa perayaan2 sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah2 Brunei, Belait, Tutong dan Temburong pada tahun ini telah memperolehi kejayaan yang gilang gemilang dengan kerjasama dari segenap lapisan masyarakat.



Pasokan Pengiran2 di-ketuai oleh D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan telah menjadi Johan dalam Perlawanan Tarek Tali yang telah di-

TIKET2 YANG BERTUAH

TUTONG.—Chabutan lotri yang telah di-adakan di-Tutong bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada 29 September, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:

Pertama—Tiket nombor 487. Hadiah-nya ia-lah sa-buah peti radio. Kedua—Tiket nombor 258. Hadiah-nya ia-lah sa-buah basikal. Ketiga—Tiket nombor 482. Hadiah-nya ia-lah 6 buah kerusi. Hadiah2 Sagu Hati—Tiket2 nombor 437 dan 279.

Pemenang2 ada-lah di-minta mengambil hadiah masing2 di-Pejabat Kerja Raya, Tutong. Sa-kira-nya hadiah2 itu tidak di-ambil dalam tempoh dua minggu dari tarikh pembukaan lotri tersebut, maka barang2 tersebut akan di-lelong dan wang yang di-perolehi akan di-dermakan kepada Tabong Derma Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Daerah Tutong.



adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 27 September sa-bagai menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Gambar atas: D.Y.M.M. kelihatan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut. Gambar Tengah: D.Y.M.M. menerima hadiah yang di-sampaikan oleh isteri Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha. Gambar Bawah: Dalam gambar ini kelihatan D.Y.M.M. Raja Isteri (duduk nombor 3 dari kanan) dan lain2-nya sedang menyaksikan perlawanan tersebut.

PERADUAN

PINTU GERBANG

BANDAR BRUNEI.—Keputusan Peraduan Pintu Gerbang bagi menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei baharu2 ini ada-lah seperti berikut:

Pertama—Jabatan Kerja Raya. Kedua—Jabatan Penchen Negara. Ketiga—Persatuan Kaum Tiong Hwa Brunei. Hadiah2 Sagu Hati: Persatuan Kaum India dan Persatuan Perniagaan Gula dan Beras.

Perarakan Laut Di-Sungai Brunei

KAMPONG AYER — Keputusan Perarakan Laut dan Berchuchul Rumah2 di-Kampung Ayer bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti di-bawah ini:

PERARAKAN LAUT: Pertama—Kampung Pandai Besi "B". Kedua—Kampung Saba Darat. Ketiga—Kampung Pengiran Pemancha Lama. Keempat—Kampung Sungai Pandan "B". Kelima—Kampung Lorong Sekuna. Keenam—Kampung Sungai Kebun. Ketujuh—Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH). Kedelapan—Kampung Sungai Kebun dan Kesembilan—Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI).

BERCHUCHUL RUMAH2 KAMPONG AYER BAHAGIAN MI-
NYAK GAS: Pertama—Awang Roslan Hanifah, Kampung Saba Ujong. Kedua—Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH), Kampung Si-Raja Muda. Ketiga—Awang Haji

Mohamed Yusof bin Ariff, Kampung Saba Ujong. 4. Awang Budin, Kampung Pengiran Tajuddin Hitam. 5. Bangunan Tukang Perak, Kampung Sungai Kadayan. 6. Pengiran Md. Daud bin Pengiran Damit, Kampung Pekan Lama. 7. Pengiran Ismail bin Pg. Md. Salleh, Kampung Pekan Lama. 8. Pengiran Anak Metassan bin Pengiran Anak Sabtu, Kampung Bendahara Lama.

BERCHUCHUL RUMAH2 KAMPONG AYER BAHAGIAN ELEKTRIK: Pertama—Pengiran Omar Ali bin Pengiran Momin, Kampung Si-Raja Muda "B". Kedua—Pengiran Othman bin Pengiran Ahmad, Kampung Setia Negara. Ketiga—Awang Haji Naim bin Ja'afar, Kampung Peramu. 4. Haji Abu Bakar bin Hashim, Kampung Lorong Dalam. 5. Awang Tai Chui Chin, Kampung Pandai Besi. 6. Awang Haji Ahmad bin Hassan, Kampung Sungai Kedayan.

PERARAKAN KERETA2 DAN BASIKAL BERTUAH

BANDAR BRUNEI.—Keputusan Peraduan Kereta2 dan Basikal2 Bertuah yang telah di-adakan di-Bandar Brunei baharu2 ini sebagai menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti di-bawah ini:

KERETA BERTUAH (Siang): Pertama—Persatuan Murid2 Tua Sekolah Pertukangan. Kedua—Jabatan Bandaran. Ketiga—Jabatan Perkhidmatan Bomba. Hadiah2 Sagu Hati—Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bangunan), Jabatan Elektrik, Jabatan Penchen

Negara, Jabatan Kerja Raya (Bahagian Workshop), Jabatan Ukur, Pejabat Tanah, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Pejabat Perubatan dan Persatuan Musik Koon Seng.

KERETA BERTUAH (Malam): Pertama—Jabatan Kerja Raya (Bahagian Workshop). Kedua—Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Ketiga—Jabatan Hal Ehwal Ugama.

BASIKAL BERTUAH: Pertama—Awang Haji Suhaili bin Haji Bakar. Kedua—Awang Haji Tuah bin Haji Bakar dan Ketiga—Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Haji Metussin